

246

SOALAN NO.: 396

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
KAWASAN : KULIM BANDAR BAHARU**

**SOALAN:**

**YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini penambahbaikan sistem jalan raya daripada dua lorong kepada empat lorong di kawasan Kulim ke Pekan Serdang dan seterusnya ke Bandar Baharu yang merupakan jalan utama kepada penduduk-penduduk di sekitar Kulim Bandar Baharu dan sekiranya berlaku sebarang halangan atau kecemasan di sepanjang jalan sedia ada ini akan menyebabkan penduduk mengalami masalah dan kesusahan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya memberikan keutamaan tinggi untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur di Negeri Kedah. Sehubungan itu, selari dengan Laporan *Highway Network Development Plan* (HNDP), Kementerian Kerja Raya telah mengenalpasti keperluan untuk menaiktaraf jalan di Daerah Bandar Baharu bagi memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan mengurangkan kadar kemalangan.

Justeru, Kementerian telah memohon untuk Menaiktaraf Jalan Bandar Baharu – Kulim (Laluan 136) Dari Tol Bandar Baharu ke Kulim Hitech daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri semasa *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11. Walaubagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.